

## Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan berjaya kurangkan kes pencatutan

Januari 15, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



**KUALA LUMPUR** - Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) berjaya mengurangkan kadar kes membabitkan pelbagai kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

Ia terbukti apabila hanya 300 kes dilaporkan selepas 140 ribu pemeriksaan premis perniagaan dilakukan penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sepanjang tahun lalu.

Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Muez Abd Aziz berkata, penguatkuasaan sempena perayaan Krismas baru-baru ini, turut menunjukkan kadar pengurangan kes secara konsisten.

Beliau menyatakan demikian di Angkasapuri selepas menjadi panel dalam program Selamat Pagi Malaysia.

Tambahnya, penetapan harga serta senarai barangan kawalan berbeza untuk setiap perayaan selepas mengadakan perbincangan dengan pihak pembekal, peruncit dan agensi berkaitan.